LAMPIRAN A

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN GUAR CHEMPEDAK

08800 GUAR CHEMPEDAK

KEDAH DARUL AMAN

UJIAN PENULISAN KARANGAN

BAHASA MELAYU

TINGKATAN LIMA

Masa: 1 jam 30 Minit

Arahan: Tuliskan sebuah karangan tentang *satu* daripada tajuk-tajuk yang diberi di bawah ini. Panjangnya *tidak kurang* daripada 350 patah perkataan.

1. Banyak pihak mengakui tentang pentingnya orang ramai melibatkan diri dengan kerja-kerja sukarela dalam masyarakat. Namun begitu, sambutan dan penyertaan mereka kurang memuaskan. Pada hemat anda, mengapa hal ini berlaku dan berikan saranan untuk mengatasinya.
2. Anda telah memenangi peraduan silangkata anjuran sebuah majalah tempatan. Anda ditawarkan hadiah melancongsecara percuma ke suatu destinasi peranginan pilihan anda selama seminggu. Nyatakan perasaan anda apabila mendapat tawaran tersebut serta nyatakan mengapa anda memilih tempat peranginan itu.
3. Sungai merupakan unsur alam semulajadi yang amat berharga kepada manusia. Nyatakan langkah-langkah ke arah memelihara kebersihan dan keindahan sungai.

UJIAN PENULISAN KARANGAN

Nombor Calon: 05

Muka Surat: 1

Dalam kerak bumi terdapat banyak unsur alam semulajadi yang amat berharga kepada manusia, antara unsur alam semulajadi yang paling banyak terdapat dalam kerak bumi adalah sungai. Namun yang malangnya bilangan sungai yang telah dicemari telah melebihi separuh daripada sungai yang sedia ada. Ini semua berpunca daripada perbuatan manusia sendiri. Mereka sanggup melakukan apa sahaja demi kemewahan sehingga mencemari alam semulajadi. Pelbagai langkah perlu dilakukan agar masalah ini dapat diatasi.

Pihak kerajaan seharusnya menguatkuasakan undang-undang supaya dapat menakutkan sesiapa sahaja yang mahu mencemari sungai. Sesiapa yang didapati mencemari sungai adalah dikehendaki membayar denda sebanyak RM500. Jika cara ini tidak berkesan terutama bagi golongan yang kaya-raya, mereka seharusnya menerima hukuman yang lebih berat seperti dirotan ataupun dipenjara selama 2 bulan. Selain itu, pihak berkuasa ~~tertentu~~ juga harus sentiasa mengadakan operasi ke atas kilang-kilang yang mengeluarkan bahan kimia ke dalam sungai. Mereka harus memastikan bahawa semua kilang-kilang yang mengeluarkan bahan toksik itu tidak melebihi had yang ditetapkan. Dengan ini semua pengusaha-~~pengusaha~~ kilang tidak akan berani lagi melakukan perkara yang boleh mencemari alam. Selain daripada kilang, pihak berkuasa yang harus mengawal rapi tentang penggunaan baja kimia dalam sektor pertanian. Penghasilan baja kimia yang amat berkesan kepada tanaman telah memberi banyak kesan sampingan kepada sungai. Oleh itu, pihak berkuasa harus memastikan selepas menggunakan baja kimia itu di kawasan tertentu air di kawasan ~~tersebut~~ mengalir ke dalam sungai.

Kempen-kempen kesedaran tentang kepentingan sungai dan cara

untuk memeliharanya juga perlu sentiasa diadakan melalui medis masa, supermarket dan sekolah. Dengan adanya pengetahuan am tentang sungai barulah manusia tahu menghargainya. Pelajar-pelajar harus didedahkan tentang kepentingan sungai kepada manusia supaya mereka menghargai sungai yang dijadikan oleh tuhan. Dengan ini, mereka tidak akan melakukan pencemaran ke atas sungai sekiranya mereka mengetahui sedikit sebanyak pengetahuan yang berkenaan dengan sungai. Guru-guru di sekolah juga perlu sentiasa mengaitkan isu alam semulajadi semasa pengajaran dijalankan. Dengan adanya pendedahan ini diharapkan keadaan yang berlaku dihari ini tidak akan berlaku lagi di masa akan datang. Selain itu kempen yang dijalankan juga dapat mengubah sikap masyarakat yang tidak prihatin selama ini. Segala usaha ini akan dapat mengurangkan pencemaran sebaliknya dapat memelihara keindahan sungai.

Papan-papan tanda yang berkenaan dengan penjagaan sungai harus diperbanyakkan sekitar jalan raya terutama di kawasan sungai. Dengan ini, orang ramai akan sentiasa disedarkan tentang kepentingan sungai dan mereka akan lebih prihatin terhadap alam semula jadi.

Jabatan-jabatan kerajaan seperti Jabatan parit dan saliran harus menanam bunga sekeliling sungai. Dengan ini sungai boleh dijadikan sebagai tempat rekreasi untuk orang ramai. Setelah orang ramai dapat menikmati keindahan sungai sudah tentu mereka akan lebih menghargainya dan sudah tentu mereka tidak akan melakukan sesuatu yang boleh mencemarkan sungai. Tong sampah ~~disekeliling~~ tempat rekreasi juga perlu diperbanyakkan. Dengan adanya pelbagai kemudahan-kemudahan yang banyak, orang ramai akan membuang sampah dalam tong sampah dan tidak akan

UJIAN PENULISAN KARANGAN

Nombor Calon: 05



membuang sampah sesuka hati

Sungai tidak akan terjamin kebersihan dan keindahannya sekiranya masyarakat di hari ini tidak berubah sikap. Hanya dengan adanya kesedaran di setiap anggota masyarakat tentang peri pentingnya sungai kepada manusia, barulah kebersihan sungai akan terjamin. Sesungguhnya sungai merupakan anugerah tuhan kepada manusia. oleh itu, sama-samalah kita menjaga kebersihan dan keindahan sungai.

UJIAN PENULISAN KARANGAN

Nombor Calon: 08

Muka Surat: 1

Anda telah memenangi peraduan silang kata anjuran sebuah majalah tempatan. Anda ditawarkan hadiah pelancongan ke destinasi peranginan selama seminggu. Nyatakan perasaan anda, apabila mendapat tawaran tersebut dan nyatakan anda memilih tempat peranginan itu.

Pada hari sabtu yang lepas, saya telah membeli senaskah surat khabar, dengan tidak disangka-sangka saya terlihat di helaian surat khabar tersebut tertulis nama saya serta alamatnya sekali. Saya terasa amat gembira dan bersyukur kerana saya telah memenangi peraduan silang kata anjuran sebuah majalah tempatan. Tujuan peraduan ini diadakan ialah untuk menarik perhatian orang ramai untuk membeli majalah tersebut. Dengan tidak melengahkan masa, saya terus ke dapur dan memberitahu tentang peraduan itu kepada emak. Emak pun berasa gembira, kerana terlalu gembira saya terus menuju ke kebun memberitahu kepada ayah saya dan abang tentang peraduan silang kata yang saya menangi itu. Boleh di katakan seluruh keluarga saya dan bersyukur kerana saya telah memenangi ~~dalam~~ peraduan silang kata itu.

Sejurus kemudian saya pulang ke rumah dan terus pergi mendapatkan pondok telefon dan menelefon kawan-kawan saya untuk memberitahu kepada mereka bahawa saya telah memenangi peraduan itu. mereka turut gembira diatas peraduan yang saya menangi itu dan mereka mengucapkan terima kasih kerana mereka juga menghantar peraduan silang kata tersebut. Setelah membaca semua keterangan yang terdapat di surat khabar itu, saya telah ditawarkan hadiah perlancongan ~~ke~~ ke destinasi peranginan selama seminggu dan saya telah memilih Pulau langkawi sebagai tempat perlancongan saya.

UJIAN PENULISAN KARANGAN

Nombor Calon: 08



Saya memilih Pulau Langkawi sebagai destinasi percutian ialah untuk menenangkan fikiran di samping dapat membeli - belah. Pulau itu juga amat terkenal dengan legendanya. Pulau Langkawi merupakan sebuah pulau yang dipenuhi dengan pelbagai sejarah - sejarah masa lampau. Di sana saya boleh melawat pelbagai ~~bagai~~ tempat yang bersejarah. Salah satu tempatnya adalah Dataran Helang, Makam Mahsuri, Telaga air panas, Beras Terbakar dan banyak lagi.

Selain daripada ingin melawat tempat - tempat bersejarah di sini juga terdapat tempat yang cantik dan indah alam semulajadi yang terserlah. Tempat yang menjadi tumpuan utama pelancong ke Langkawi ialah Pantai Tanjung Ru, Makam Mahsuri dan Pekan Kuah. Selain daripada itu udara di sana juga bersih dan segar. Dengan menjaga kebersihan, udara dapat dijaga dan pencemaran alam juga tidak akan berlaku. Walaupun Pulau Langkawi mempunyai pembangunan yang pesat, tetapi udara sana tidak tercemar akan kebersihan dijaga. ~~Salah satu~~ Tempat yang menjadi tumpuan orang ramai adalah tempat yang bersejarah dan pusat membeli - belah.

Di samping itu juga Pulau Langkawi adalah merupakan sebuah pulau yang cantik dan dapat memuaskan semua pelancong - pelancong beristirehat dan dapat menikmati keindahannya alam sekitar.

Selain daripada itu di Langkawi terdapat berpuluh - puluh pulau kecil. Antaranya ~~Pulau - pulau tersebut~~ adalah Pulau Tasik Dayang Bunting dan Pulau Sebil Bagan Nyiur. Pulau - Pulau tersebut sering menjadi destinasi kaki pancing. Keadaan pantainya yang berteluk - teluk

# UJIAN PENULISAN KARANGAN

Nombor Calon: ...08......

Muka Surat: ...8...

telah menjadi kawasan pelbagai jenis ikan-ikan, jadi tidak hairanlah kawasan tersebut merupakan syurga kepada kaki pancing. Saya rasa, saya juga tidak melepaskan ~~Ari~~ peluang untuk memancing di tempat-tempat tersebut. Oleh itu, sudah tentulah Pulau Langkawi menjadi destinasi percutian saya.

UJIAN PENULISAN KARANGAN

Nombor Calon: ...11......

Muka Surat:...1...

Seiring dengan pembangunan negara yang semakin maju dan pesat, satu masalah telah melanda masyarakat negara kita. Didapati bahawa penglibatan masyarakat kita dalam kerja-kerja sukarela tidak begitu memuaskan. Terdapat banyak pertubuhan - pertubuhan sukarela dalam masyarakat kita, namun masih tidak mendapat sambutan yang baik. Ini ialah merupakan suatu masalah yang tidak patut diketepikan kerana masalah ini menggambarkan semangat kerjasama yang semakin pudar.

Punca utama yang menyebabkan tidak ramai yang menyertai kerja-kerja suka rela kerana ialah masyarakat di zaman sekarang yang asyik sibuk membina karier masing-masing dan ghairah mengejar kemewahan. Mereka sememangnya tidak mempunyai masa untuk melibatkan diri dengan kerja-kerja sukarela mereka, mengabaikan tangungjawab dan peranan mereka sebagai ahli keluarga mereka apatah lagi menyertai kegiatan-kegiatan atas alasan sibuk. Bagi mereka-mereka, ini tidak merupakan suatu kewajipan yang perlu ditunaikan.

Selain daripada itu, salah satu faktor yang mendorong diri mereka untuk melibatkan diri dalam kegiatan ini ialah kerana tiada ganjaran atau keuntungan yang diberikan kepada mereka. Pada pendapat mereka, kerja-kerja ini bukan sahaja membazirkan masa malah tidak mendapat sebarang upah. Oleh yang demikian, mereka pun berfikir bahawa adalah lebih baik jika menggunakan masa tersebut untuk melakukan tugas lain yang boleh mendatangkan faedah di samping dapat mengaut keuntungan. Bagi mereka, segala usaha yang dikeluarkan ~~diaku~~ itu harus dan patut dinilai dengan wang ringgit.

# UJIAN PENULISAN KARANGAN

Nombor Calon: ...11.....

Muka Surat:..2....

Walau bagaimanapun, semua ini terletak pada diri ~~sendiri~~ masyarakat itu sendiri. Mereka mengamalkan sikap individualistik dalam diri mereka. Mereka hanya mementingkan diri sendiri dan tidak mengambil tahu tentang berita yang berkenaan dengan kerja-kerja sukarela ini. Mereka juga cuma peka terhadap masalah peribadi dan tidak peka terhadap kerja-kerja sukarela. Di samping itu, kegiatan ini juga dianggap hanya menghabiskan masa dan lebih sahaja.

Oleh yang demikian, pihak kerajaan juga harus berperanan dalam mengatasi masalah ini. Kerajaan harus mengambil langkah yang wajar seperti mengadakan kempen. Kempen tersebut seelok-eloknya diadakan di hujung minggu atau dihari-hari cuti awam supaya mereka dapat menghadirkan diri. Ini ialah bertujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kebaikan melibatkan diri dalam kegiatan sukarela di samping dapat mengeratkan lagi hubungan antara kaum dengan kaum yang lain disamping mendorong mereka melibatkan diri dengan lebih giat dalam kerja-kerja ini.

Sikap masyakat yang hanya mementingkan diri sendiri dan ganjaran yang diterima patut dibasmikan. Jangan hanya mementingkan wang semata-mata sehingga mengabaikan masalah yang wujud dalam masyarakat kita. Ada kalanya, kita juga harus ~~membantu~~ melakukan sesuatu yang dapat membantu pihak ~~lagi~~ lain.

# UJIAN PENULISAN KARANGAN

Nombor Calon: ..16........

Muka Surat:..1....

Sungai merupakan unsur semulajadi yang amat berharga kepada Manusia. Nyatakan langkah-langkah cara memelihara keindahan dan kebersihan sungai.

Sungai merupakan unsur alam semulajadi yang amat berharga kepada manusia. sungai juga memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia.

Di zaman dahulu sungai juga salah satu perhubungan air bagi menghubungkan beberapa kawasan. kita seharusnya menjaga kebersihan dan keindahan sungai kita supaya tidak tercemar. kita haruslah memainkan peranan penting bagi membersih dan memperindahkan kawasan sungai

Terdapat pelbagai cara-cara bagi membersihkan sungai, contohnya dengan mengadakan kempen cintai sungai. Dengan adanya kempen ini, kita dapat menyedarkan orang ramai betapa pentingnya sungai dalam kehidupan seharian kita.

Selain itu, JPS juga haruslah memainkan peranan yang penting dalam menjaga kebersihan dan keindahan sungai. untuk memelihara kebersihan sungai terdapat berbagai-bagai langkah-langkah yang perlu di ambil. Antaranya dengan mengadakan gotong-royong membersihkan kawasan sungai dan membuang sampah sarap yang terdapat dalam sungai dengan bantuan daripada pihak JPS. Kawasan tersebut perlu di bersih-kan dari semasa ke semasa.

Selain daripada itu, untuk mengindahkan lagi kawasan sungai, kita boleh menanam tumbuhan -

# UJIAN PENULISAN KARANGAN

Nombor Calon: ...16.....

Muka Surat:...2...

tumbuhan hiasan sekeliling kawasan sungai. Ini dapat menimbulkan lagi suasana kehijauan dan kedamaian kepada para pengunjung.

Bagi menarik perhatian orang ramai, pihak JPS haruslah menyediakan tempat rekreasi seperti taman permainan laluan berjalan kaki, tempat istirehat, lorong untuk berjogging dan sebagainya. Untuk menjadi lebih menarik, kita juga boleh menyediakan tempat-tempat untuk berkelah, memancing dan sebagainya. Pihak JPS juga haruslah menyediakan tong-tong sampah. Langkah-langkah ini adalah merupakan langkah yang bijak untuk mengindahkan kawasan sungai

Selain daripada peranan JPS, orang ramai haruslah memainkan peranan penting bagi mengekalkan keindahan dan kebersihan sungai. Kita hendaklah memahami adalah bukan Jabatan Parit dan Saliran sahaja yang bertanggungjawab untuk menjaga kebersihan sungai tetapi masyarakat juga mesti memikul tanggungjawab tersebut. Para pengunjung haruslah membuang sampah-sarap ke dalam tong sampah yang disediakan. Dengan bersikap begini, sungai tidak akan tercemar dan kawasan kelihatan bersih.

Bagi menarik ramai lagi pengunjung, pihak berkuasa perlu menyediakan banyak aktiviti-aktiviti sukan air seperti berkayak, berenang, skuter air dan lain-lain. Sukan air ini akan dapat menarik minat orang ramai dan sungai tidak akan disia-siakan.

UJIAN PENULISAN KARANGAN

Nombor Calon: 16

Muka Surat: 3

Kita juga haruslah mengenakan denda yang berpatutan terhadap pengunjung yang tidak mematuhi arahan yang disediakan. Seperti meninggalkan sampah-sarap bertaburan. Dengan ini, pengunjung tidak akan membiarkan sampah-sarap terbiar dan sekaligus dapat membersihkan lagi kawasan sungai.

Sebagai manusia kita seharusnya ada perasaan cintai sungai dan alam semulajadi yang dianugerahkan Tuhan kepada kita. Jadi, pelihiaralah sungai kita daripada tercemar.

Soalan 2

Sungai merupakan unsur alam semulajadi yang amat berharga kepada manusia. Nyatakan langkah-langkah ke arah memelihara kebersihan dan keindahan sungai.

Sedia kita maklum bahawa sungai merupakan unsur alam semulajadi yang dicipta oleh Allah dan amat berharga kepada manusia yang ada atas muka bumi ini. Di zaman dahulu, sungai merupakan sumber yang paling penting untuk kegunaan harian dan tempat mencari rezeki bagi sesetengah penduduk. Oleh sebab demikian kerajaan bercadang untuk menubuhkan Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang dapat kita nikmati sekarang. Tenaga Nasional Berhad (TNB) bertujuan untuk memudahkan orang ramai mendapatkan bekalan air dengan lebih mudah. Setiap rumah dibekalkan dengan air melalui paip yang disambungkan dari tanah ke rumah.

Di masa sekarang, kebanyakan sungai dicemari oleh pembuangan sisa-sisa toksik, bahan kimia dan campah-sarap secara berleluasa. Kita akan dapat melihat sampah-sarap dalam sungai sekiranya kita berdiri tebing sungai. Ini kerana sikap orang ramai yang suka mementingkan diri sendiri, tidak menghiraukan orang lain dan alam sekitar. Masalah pencemaran adalah merupakan masalah yang serius. Air sungai yang tercemar tidak boleh digunakan untuk pelbagai aktiviti-aktiviti harian seperti memasak, mencuci, membasuh dan sebagainya. Penggunaan air tercemar ini akan membawa berbagai-bagai penyakit-penyakit kepada penduduk yang tinggal berdekatan

UJIAN PENULISAN KARANGAN

Nombor Calon: 18



dengan sungai. Air sungai akan menjadi tempat pembiakan nyamuk.

Oleh ~~kerana~~ sebab demikian kerajaan perlu mengeluarkan notis kepada penduduk yang tinggal berdekatan dengan sungai supaya memelihara kebersihan dan keindahan sungai. Salah satu daripadanya ialah dengan mengadakan kempen dan gotong-royong untuk membersihkan kawasan sungai. Penduduk di kawasan yang berdekatan dengan sungai, mestilah bersama-sama menjaga kebersihan sungai. Seperti perpatah melayu berkata 'bersatu kita teguh, bercerai kita roboh'. Dengan mengadakan kempen dan gotong-royong, ini boleh menyedarkan orang ramai betapa pentingnya sungai kepada kita. Oleh itu, kita semua harus menghargainya.

Untuk mengindahkan lagi sungai yang dibersihkan, kita boleh menanam tumbuh-tumbuhan di sekitarnya supaya nampak lebih berseri apabila dipandang. Antara tumbuh-tumbuhannya seperti tumbuhan hijau, pokok teratai, pokok rhu, pokok jati dan sebagainya. Contoh tumbuhan yang membawa faedah kepada kita ialah tumbuhan hijau yang menyedut karbon dioksida daripada cahaya matahari dan membebaskan oksigen kepada semua benda hidup.

Selain daripada itu, untuk mengindahkan kawasan sungai, kerajaan boleh menjadikan sungai sebagai salah satu gelanggang sukan dalam sesuatu permainan. Contohnya mengadakan pertandingan berenang, menyelam, berkayak dan sebagainya.

UJIAN PENULISAN KARANGAN

Nombor Calon: ...18......

Muka Surat: ...3...

Aktiviti- aktiviti seumpama ini akan menyedarkan manusia tentang perlunya mereka menjaga dan memelihara keindahan sungai.

Kesimpulannya sungai ialah merupakan unsur alam semulajadi yang amat berharga kepada manusia. Oleh itu masyarakat perlulah berganding bahu untuk memelihara kebersihan dan keindahan sungai.

UJIAN PENULISAN KARANGAN

Nombor Calon: 21



Sungai ialah merupakan anugerah tuhan yang amat berharga kepada manusia. Selain adalah menjadi sumber minuman, makanan dan jalan perhubungan, sungai juga amat sesuai dijadikan tempat rekreasi. Sejarah perkembangan tamadun manusia juga mempunyai banyak perkaitan dengan sungai. Di zaman dahulu sungai merupakan jalan perhubungan yang utama bagi penduduk terutamanya dikampung-kampung. Namun begitu kepentingan dan peranan sungai dalam kehidupan manusia. Semakin terancam pada masa kini. Banyak sungai-sungai yang telah tercemar oleh arus pembangunan yang tidak terancang.

Pelbagai langkah-langkah perlu dilakukan untuk memelihara kebersihan dan keindahan sungai. Langkah-langkah untuk memelihara ~~sungai~~ kebersihan sungai ialah dengan mengadakan kempen kesedaran. Dewasa ini terdapat banyak kempen-kempen yang telah dianjurkan oleh masyarakat untuk menyedarkan masyarakat betapa pentingnya sungai kepada manusia. Selain daripada kempen ialah menjadi tanggungjawab bagi JPS dan masyarakat memainkan peranan dalam usaha menjaga kebersihan sungai. Gotong-royong membersihkan sungai perlu dilakukan untuk memelihara sumber semulajadi ini. Gotong-royong ini juga dapat mengeratkan tali silaraturrahim antara masyarakat untuk mengekalkan kebersihan sungai, pihak kerajaan patut mengenakan denda kepada semua pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab mencemarkan sungai seperti kilang-kilang yang membuang

# UJIAN PENULISAN KARANGAN

Nombor Calon: ...21.......



tong-tong sisa toksid ke dalam sungai yang akan mencemarkan air serta hidupan sungai.

Namun begitu atas daya usaha masyarakat dan kerajaan khususnya, kerajaan negeri banyak sungai yang tercemar telah dibangunkan seperti Kuching Water Front di Sarawak, Persiaran Tanjung Chali di Alor Setar dan banyak lagi. Persiaran Tanjung Chali merupakan sebuah tempat rekreasi yang terdapat negeri kedah.

Selain daripada menjaga kebersihan sungai, keindahan perlu dipelihara. Sungai boleh diperindahkan lagi dengan dihiasi pokok-pokok bunga sekitarnya. Tempat-tempat rehat perlu disediakan jika sungai tersebut dijadikan tempat rekreasi. Gerai makanan didirikan untuk memudahkan pelancong menikmati makanan sambil melihat keindahan sungai. Untuk lebih mengindahkan lagi, padang permainan patut dibina untuk kanak-kanak. Suasana akan lebih menarik lagi sekiranya terdapat titi gantung dan juga membina mini zoo disitu. Kanak-kanak dapat melihat binatang-binatang dalam zoo itu sambil bergembira.

Selain daripada itu, kerajaan perlu membina lorong-lorong untuk orang ramai berjoging. Dengan adanya usaha ini sudah tentulah sungai akan menjadi kawasan tumpuan terutamanya diwaktu petang dan dihari minggu. Cara ini akan dapat menanam perasaan cintakan sungai.

UJIAN PENULISAN KARANGAN

Nombor Calon: 24

Muka Surat: 1

Orang ramai patut melibatkan diri dalam kerja-kerja sukarela dalam masyarakat. Ini penting dalam mewujudkan masyarakat yang bersatu-padu, tolong-menolong dan bekerjasama. Namun begitu, sambutan dan penglibatan daripada masyarakat kurang memuaskan. Ada pelbagai faktor berlakunya fenomena seperti ini.

Masyarakat di hari ini terlalu sibuk dengan urusan masing-masing. Dengan bebanan kerja enam hari seminggu, ditambah pula dengan tugas-tugas lain menyebabkan mereka tiada masa untuk memikirkan atau melibatkan diri dalam kerja-kerja sukarela. Untuk mengatasi masalah ini kerajaan dan pihak yang terlibat patut mengambil langkah-langkah untuk mengatasinya. Pihak kerajaan atau swasta patut menambah cuti para pekerjanya, contohnya dua hari dalam seminggu untuk pihak majikan dan pihak atasan patut menunjukkan contoh yang baik kepada para pekerjanya dengan melibatkan diri dengan kerja-kerja sukarela. Langkah seperti ini adalah merupakan tindakan yang baik. Apabila para pekerja , . melihat orang atasan dan majikan mereka melibatkan diri dengan kerja-kerja sukarela, mereka juga akan turut tertarik untuk melibatkan diri dengan kerja-kerja sukarela.

Kurangnya kesedaran dalam diri masyarakat pada hari ini tentang betapa pentingnya melibatkan diri dengan kerja-kerja sukarela merupakan masyarakat tidak berminat dengan kerja sukarela. Ada segolongan masyarakat berpendapat bahawa kerja-kerja sukarela tidak mendapat faedah kepada mereka, melainkan penat dan membuang masa. Pihak kerajaan patut menangkis pendapat ini dengan menanamkan kesedaran dalam diri golongan masyarakat ini. Untuk menanam kesedaran betapa pentingnya melibatkan diri dengan kerja-kerja sukarela pihak kerajaan boleh mempergiatkan lagi kempen-kempen melalui media cetak dan media elektronik.

Para remaja di zaman ini lebih gemar membuang masa mereka dengan melakukan pelbagai aktiviti-aktiviti yang tidak berfaedah. Mereka langsung tidak

# UJIAN PENULISAN KARANGAN

Nombor Calon: ...24......

Muka Surat:...2...

berminat untuk melibatkan diri dengan kerja-kerja sukarela. Bagi mereka melakukan kerja-kerja sukarela tidak mendatangkan keseronokan kepada mereka. Untuk menarik minat golongan ini para artis boleh memainkan peranan mereka. Sebagaimana yang kita ketahui bahawa remaja menjadikan artis sebagai model dan sentiasa terikut-ikut dengan apa yang dilakukan oleh golongan artis-artis. Oleh itu para artis yang mempunyai peminat dan pengaruh yang ramai ini boleh mengajak mereka bersama-sama melibatkan diri dengan kerja-kerja sukarela ini.

Kekurangan penglibatan masyarakat dalam melakukan kerja-kerja sukarela mungkin disebabkan hati mereka belum "terbuka" untuk menerima atau melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti tersebut. Oleh itu seruan tentang pentingnya melakukan kerja-kerja sukarela boleh disampaikan melalui khutbah-khutbah jumaat atau diselitkan melalui ceramah-ceramah agama yang lain. Mungkin apabila mereka mendengar nasihat daripada penceramah yang mereka hormati, hati mereka akan terbuka untuk melibatkan diri dengan kerja-kerja sukarela.

Dalam diri kanak-kanak ~~tidak~~ disemai dengan sikap atau semangat ingin membantu, antara satu sama lain. Ini merupakan faktor yang menyebabkan masyarakat pada hari ini kurang berminat untuk melibatkan diri dengan kerja-kerja amal. Mereka membesar dengan sendiri kerana ibu bapa sibuk dengan tugas-tugas dan kepentingan diri sendiri. Hal ini akan menyebabkan sikap pentingkan diri sendiri dan sikap ~~keakuan~~ wujud dalam diri mereka. Untuk mengatasi masalah ini para ibu bapa-ibu bapa seharusnya meluangkan lebih masa dengan anak-anak dan mengajak mereka melakukan kerja-kerja sukarela, contohnya membersihkan masjid, membantu mangsa-mangsa kebakaran dan sebagainya.

Sebenarnya kedinginan sambutan orang ramai dalam melibatkan diri dengan kerja-kerja sukarela berpunca daripada sikap dan didikan yang mereka terima.

UJIAN PENULISAN KARANGAN

Nombor Calon: 24

Muka Surat: 3

Melakukan kerja-kerja sukarela seperti membantu mangsa-mangsa banjir, ~~mangsa-mangsa~~ kebakaran dan sebagainya bukan sahaja dapat memupuk semangat bantu-membantu dan bekerjasama malahan ia juga dapat mengemari perasaan simpati, bersyukur dan bersyukur dengan nikmat yang kita kecapi ditanah ini. Masyarakat yang terlibat dalam kerja-kerja sukarela ... akan melahirkan masyarakat yang bersatupadu, teguh dan kuat dalam mengharungi cabaran dan dugaan di masa hadapan.

UJIAN PENULISAN KARANGAN

Nombor Calon: 28

Muka Surat: 1

Saya telah menyertai suatu peraduan Silangkata yang dianjurkan oleh Majalah Mangga dan Berita Harian pada bulan julai yang lalu.

Tidak lama selepas itu saya mendapat tahu melalui surat-khabar bahawa saya telah berjaya mendapat tempat pertama di dalam peraduan itu dan nama saya juga tertera disurat khabar. Saya berasa sungguh gembira dan berasa tidak percaya bahawa saya telah mendapat tempat pertama dalam peraduan itu. Di saat itu saya berasa sayalah orang yang paling bertuah.

Selain itu untuk menambahkan lagi kegembiraan, saya telah memberitahu keluarga dan saudara mara bahawa saya telah berjaya dalam peraduan Silangkata. Justeru itu saya menjemput mereka makan di restoran

Selepas itu saya menerima sepucuk surat dari Majalah Mangga dan Berita Harian yang menawarkan hadiah melancong secara percuma ke destinasi pilihan saya. Peluang keemasan ini adalah merupakan peluang yang dinanti-nantikan. Selepas sehari suntuk saya berfikir, akhirnya saya membuat keputusan muktamad untuk memilih Langkawi sebagai destinasi yang saya ingin lawati. Saya bercadang untuk bercuti dipulau tersebut diakhir bulan ini.

UJIAN PENULISAN KARANGAN

Nombor Calon: 28

Muka Surat: 2

Antara sebab-sebab mengapa saya memilih Langkawi ialah kerana ~~yang~~ terdapat banyak tempat bersejarah seperti Makam Mahsuri, Telaga air panas, beras terbakar dan lain lain lagi. Contohnya Makam Mahsuri merupakan orang biasa yang telah difitnah melakukan perkara sumbang dan telah dibunuh. Selepas ia ~~ditikam~~ ditikam dengan lembing terpancutlah darah putih. Semasa itu ia telah bersumpah Pulau Langkawi menjadi "Padang Jarak Padang Terkukur" dan Langkawi juga tidak akan aman selama tujuh keturunan.

Selama tujuh keturunan Pulau Langkawi tidak aman dan maju selepas daripada sumpahan itu pulau Langkawi telah menjadi tempat pelancongan yang paling digemari kerana kebersihan pantainya dan mempunyai pemandangan yang sungguh indah. Pemandangan di tepi pantai di pulau Langkawi ~~sewaktu senja~~ sewaktu senja adalah sungguh mempesonakan. Selain daripada itu Pulau Langkawi mempunyai banyak tempat bersejarah.

~~Justeru itu~~ Pulau Langkawi juga terdapat underwater world iaitu gambaran keadaan ~~dasar~~ laut yang pertama di bina di Malaysia. Selain itu, saya juga mendengar cerita bahawa melalui underwater world kita dapat melihat pemandangan dasar laut yang cantik dan terdapat hidupan laut yang beraneka warna.

UJIAN PENULISAN KARANGAN

Nombor Calon: ..28.........

Muka Surat:...3...

Walaupun demikian saya juga boleh mengambil kesempatan untuk pergi ke pulau-pulau yang terdapat sekitar Pulau Langkawi. Saya juga boleh pergi ke Pulau Tuba dan Pulau Dayang Bunting untuk memancing ikan kerana hobi saya suka memancing ikan.

Selain itu saya juga berpeluang untuk melihat keindahan pulau-pulau lain yang terdapat sekeliling Pulau Langkawi. Antara pulau tersebut, pulau Selat Dayang Bunting merupakan pulau yang pasti akan saya kunjungi nanti. Ini kerana pulau tersebut mempunyai kisah lagendanya yang tersendiri. Disamping itu, airnya yang jernih dan pantainya yang bersih sering menarik minat ramai pelancong-pelancong kesana.

Saya berasa sungguh gembira kerana di beri peluang sebegini dan mungkin jika peraduan ini di adakan lagi saya ialah merupakan salah seorang yang akan menyertai. Saya berasa tidak sabar lagi untuk pergi ke destinasi yang saya pilih.